

**Muzni**  
Sungguh Suci, Sungguh Murni



**1 April - 5 Julai 2019**

Tempoh Penyertaan:  
**1 April - 31 Mei 2019**  
Tempoh Pengundian  
"Like" di Facebook:  
**22 April - 5 Julai 2019**

## NOTIS PRIVASI

### NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis ini") dikeluarkan di bawah Seksyen 7, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (suatu Akta untuk mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial) oleh penganjur-penganjur Peraduan, FFM Berhad (No. Sykt. 4878-K) dan FFM Marketing Sdn Bhd (No. Sykt. 180433-A), syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dengan pejabat mereka di PT 45125, Batu 15 ½, Sungai Pelong, P.O. Box 78, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan ("Penganjur-Penganjur Peraduan").

1. Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda tentang data peribadi dan maklumat anda ("Data Peribadi anda") yang sedang dikumpul, diperolehi, disimpan, diproses, dan digunakan oleh Penganjur-Penganjur Peraduan dengan berpatuhan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP").
2. Data Peribadi anda yang diproses oleh Penganjur-Penganjur Peraduan mungkin termasuk nama, nombor kad pengenalan (no. KP), nombor telefon, alamat, pekerjaan, alamat e-mel, butiran akaun bank, dan sebarang butiran-butiran lain anda yang diberikan oleh anda dengan atau dalam dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 4 Notis ini atau sebaliknya termasuklah sebarang butiran-butiran lain yang berkaitan dengannya.
3. Penganjur-Penganjur Peraduan sedang memproses Data Peribadi anda, termasuklah sebarang maklumat tambahan yang anda mungkin berikan kemudian, untuk tujuan-tujuan berikut ("Tujuan-Tujuan") sahaja:-
  - (a) mengurus, mengoperasi, dan mengendalikan Peraduan yang termasuk mana-mana acara atau penghebahan/publisiti Peraduan dalam apa-apa bentuk atau menerusi apa-apa media;
  - (b) mengumumkan atau menghebahkan pemenang-pemenang Peraduan; atau bagi tujuan-tujuan lain yang mungkin berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan di atas.
4. Data Peribadi anda dikumpul dan akan dikumpul dari anda dan/atau dari maklumat yang terkandung di dalam dokumentasi yang anda berikan kepada Penganjur-Penganjur Peraduan, semua borang-borang permohonan/pendaftaran yang diminta anda lengkapkan, serta maklumat-maklumat lain tentang diri anda yang Penganjur-Penganjur Peraduan mungkin perolehi dari komunikasi lisan atau bertulis.
5. Anda boleh mengakses dan memohon untuk mengemaskini atau membuat pembetulan Data Peribadi anda serta menghubungi Penganjur-Penganjur Peraduan untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi anda seperti berikut:-

Selaras dengan APDP, Penganjur-Penganjur Peraduan berhak untuk tidak mematuhi permintaan anda untuk mengakses atau untuk pengemaskinian atau untuk membuat pembetulan ke atas Data Peribadi anda, dan sekiranya Penganjur-Penganjur Peraduan enggan mematuhi permintaan tersebut, Penganjur-Penganjur Peraduan akan memaklumkan kepada anda tentang keengganan Penganjur Peraduan berserta alasan(-alasan) keengganan Penganjur-Penganjur Peraduan.

6. Penganjur-Penganjur Peraduan komited terhadap memastikan kerahsiaan, perlindungan, keselamatan, dan ketepatan Data Peribadi anda. Walau bagaimana pun, dalam keadaan-keadaan tertentu, Penganjur-Penganjur Peraduan mungkin diperlukan untuk menzahirkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga berikut:-
  - (a) syarikat-syarikat berkaitan Penganjur-Penganjur Peraduan jika diminta oleh mereka;
  - (b) mana-mana jabatan atau agensi kerajaan dan/atau kuasi-kerajaan dan/atau badan-badan penguatkuasa dan/atau berkanun jika diminta oleh mereka;
  - (c) Bank-bank Penganjur-Penganjur Peraduan, institusi-institusi kewangan Penganjur-Penganjur Peraduan, pembekal-pembekal perkhidmatan Penganjur-Penganjur Peraduan, juru audit luaran Penganjur-Penganjur Peraduan, dan peguam-peguam bela dan peguam-peguam cara Penganjur-Penganjur Peraduan yang dilantik di bawah kewajipan kerahsiaan kepada FMSB; dan
  - (d) sebarang pihak ketiga yang lain yang mana anda telah minta atau memberikan kuasa kepada Penganjur Peraduan untuk menzahirkan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas atau sebarang tujuan lain yang mana Data Peribadi anda akan dizahirkan pada masa pengumpulannya atau untuk tujuan lain yang mempunyai hubungan langsung dengan mana-mana Tujuan-Tujuan.
7. Anda bertanggung-jawab untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang anda berikan kepada Penganjur-Penganjur Peraduan adalah tepat, lengkap, terkini, dan tidak mengelirukan.
8. Jika anda gagal untuk memberikan Data Peribadi anda kepada Penganjur-Penganjur Peraduan, Penganjur-Penganjur Peraduan mungkin tidak boleh memproses Data Peribadi anda untuk sebarang Tujuan-Tujuan, dan dalam perkara berkaitan dengan penyertaan Peraduan, Penganjur-Penganjur Peraduan mungkin tidak dapat mempertimbangkan permohonan anda.
9. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, maka versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Syarikat:	FFM Berhad (No. Sykt. 4878-K) / FFM Marketing Sdn Bhd (No. Sykt. 180433-A)
Nombor telefon:	03 - 6145 7888

